



Kursus Penulisan & Penerbitan Buku Penyelidikan

10&11 Jun 2015

Rosli Hussin

Pengerusi Panel Buku Penyelidikan & Book Chapters
Penerbit UTM Press &
Jabatan Fizik, Fakulti Sains
Universiti Teknologi Malaysia, Johor



8

Penyuntingan



Apa itu Penyuntingan (editor)?

- kata dasar sunting - melahirkan bentuk turunan
 - menyunting (kata kerja)
 - penyunting (kata benda)
 - penyuntingan (kata benda)
- Kata menyunting bererti menyiapkan **Naskah Siap Terbit** dengan memperhatikan *isi, bahasa (ejaan dan struktur kalimat) dan Gaya persembahan*
- Orang yang melakukan pekerjaan menyunting disebut **penyunting**.
- Penyuntingan bermakna proses, cara, perbuatan, yang terkait dengan kegiatan **sunting-menyunting**



Maksud penyuntingan

- ditakrifkan sebagai suatu proses **menangani segala masalah** yang mungkin wujud di dalam manuskrip yang dihasilkan.
- Aktiviti ini mungkin melibatkan kerja menulis dan menyusun semula, melengkap, membaiki dan mengemas kembali keseluruhan manuskrip.
- tugas yang penting dalam proses menghasilkan manuskrip -manuskrip karya ilmiah peringkat tinggi
- karya yang **mudah dibaca** dan mudah pula difahami oleh pembaca sasaran



Editor & Fungsi editorial

- Jawatan - kakitangan penerbit
- bekerja di syarikat penerbitan di bahagian editorial
- dari membina pengarang/Penulis hingga ke mesin cetak
- menangani sesbuah manuskrip supaya diterbitkan
- **Perhubungan** antara penerbit dengan pengarang/Penulis, penerbit dengan pencetak, penerbit dengan penilai
- Menjaga kualiti penerbitan, membina kepengarangan, konsep buku, menyelia aspek mekanikal, proses pengeluaran, membuat anggaran kos, membantu bahagian pemasaran, merangka belanjawan dan penjadualan projek penerbitan



Jenis-jenis Penyunting (editor)

Editor mengikut bidang – editor bahasa, editor sains sosial, editor agama, editor teknologi maklumat dll (pakar bidang - **Editor substantit**)

Editor pengurusan – ada syarikat besar dan komersial – mengawasi proses penerbitan yang dijalankan oleh editor di samping berurusan dengan penulis, membina pengarang dan penyuntingan naskhah.

Editor perolehan – membina pengarang dan mencari manuskrip, pembinaan judul, memberi keputusan untuk judul buku yang akan diterbitkan, perancangan bidang-bidang yang penting untuk syarikat

Editor siri – menangani penerbitan buku bersiri

Editor bidang – menangani penerbitan buku dalam sesuatu bidang dan megawasi pembinaan judul dan proses penerbitan bidang di bawah seliaannya

Editor kopi – penghubung antara pengarang dengan pembaca – memantau kesalahan tatabahasa

Penolong editor – membantu kerja-kerja editor dalam kerja-kerja persembahan buku



Penyunting perolehan

Melakukan penelitian menyeluruh terhadap manuskrip

1. Kandungan
2. Skop
3. Peringkat
4. Panjang pendek
5. Susunan buku
6. Menyemak sama ada buku ditulis dgn jelas, ilustrasi perlu, keterangan tepat, atau langgar akta
7. Pindaan mesti dgn persetujuan pengarang



PENYUNTINGAN KOPI

Terdapat 4 jenis kerja yang perlu dilakukan kepada manuskrip;

1. Memantau kesalahan tatabahasa
2. membaca manuskrip yang ditugaskan kepadanya perkataan demi perkataan, ayat ke ayat, baris ke baris sehingga selesai keseluruhan manuskrip
3. Menentukan tipografi
4. memastikan bahawa ayat yang ditaip itu betul dan mudah difahami
5. memastikan bahawa bahasa yang digunakan itu mudah difahami oleh pembaca sasaran
6. tatabahasa, ejaan, istilah, perbendaharaan kata, perenggan, singkatan, tanda baca, huruf besar dan kecil juga diperhatikan secara terperinci

Matlamat penyunting kopi ialah untuk menghapuskan sebarang halangan antara pembaca dgn apa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Menyelesaikan masalah sebelum manuskrip dihantar ke pencetak agar proses pengeluaran berjalan lancar.



Penyunting kopi

Penyunting kopi akan terlibat dgn 3 peringkat proses penyediaan buku

- boleh menyenaraikan faktor suntingan yang boleh diambilkira oleh pereka bentuk-pembangunan perenggan, penggunaan simbol, tajuk utama, tajuk kecil
- membantu pencetak membuat anggaran kerja dgn lebih tepat dan memastikan manuskrip lengkap berdasarkan tipografi yang telah siap
- dapat menentukan terlebih dahulu sebarang masalah atau kesilapan pengarang
- membuat pembetulan mengikut persetujuan pengarang- gaya bahasa, ejaan, tanda baca, perenggan dan keselarasan
- manusia luar biasa
- pembaca yang cerdas dan pengkritik yang sensitif
- Mengambil berat kesempurnaan dan teliti
- Bijak mengurus masa
- Bijak menjaga perasaan pengarang
- Terpaksa menanam minat dlm bukan bidang terutama mengesan kegagalan pengarang memberi penjelasan dlm penulisannya
- Jika mempunyai ilustrasi, penyunting kopi memastikan ilustrasi berkesan dan berfungsi, diletakkan di halaman yang tepat dan sesuai serta dirujuk dgn betul.
- Penyunting kopi memastikan pencetak menerima naskhah kopi yang lengkap, jelas, tepat dan difahami
- Terlibat dengan masalah pengeluaran- tahu lebih terperinci, menjelaskan kehendak pengarang kepada perekaan dan pencetak



Penyunting substantit / Penilai

- pakar bidang
- penulis juga adalah seorang pakar dalam bidang yang ditulisnya
- bahan yang ditulis itu lengkap dari segi isi dan fakta.
- Editor ini juga memastikan wujudnya keseragaman dari segi gaya dan juga bahasa



Contoh Manuskrip Suntingan

Judul: Asas Pelengkapan Telaga

Tajuk

- Bab 1 – Pengenalan (takrifan, sejarah dan kepentingan)
- Bab 2 – Jenis Pelengkapan Telaga
- Bab 3 – Sistem aliran bendalir Telaga Ke Permukaan
- Bab 4 – Perkakasan Subpermukaan
- Bab 5 – Perkakasan Permukaan
- Bab 6 – Keselamatan

Cadangan Penilai

- Bab 1 – Pengenalan (takrifan, keperluan pelengkapan telaga dan hubungan dengan operasi lain)
- Bab 2 – Teori Asas Telaga
- Bab 3 – Sistem aliran bendalir Telaga Ke Permukaan
- Bab 4 – Perkakas Asas dan Khusus
- Bab 5 – Pengendalian Operasi Pelengkapan



Penyunting Kendiri

- Kerja penyuntingan ini dilakukan oleh **penulis sendiri**
- pakar dalam bidang yang ditulisnya - **pakar bidang**
- penyuntingan kendiri ini dapat dikaitkan dengan tugas **editor substantit dan editor kopi** sesebuah penerbit
- penyuntingan kendiri - **tugas penting** yang perlu dilaksanakan
- dilaksanakan pada **peringkat akhir** penghasilan manuskrip sebelum manuskrip bersih dihantar kepada pihak penerbit
- penulis menjadi editor yang lebih berkesan terhadap bahan penulisannya sendiri serta dapat **mempercepatkan proses** penerbitan buku




Mengapa perlu disunting sendiri

- Menyunting dapat diertikan sebagai kegiatan membaca kembali sambil menemukan kesalahan-kesalahan dalam sebuah tulisan
- Proses ini biasanya dilakukan oleh diri sendiri terhadap tulisan sendiri atau penyunting terhadap tulisan orang lain.
- Kegiatan penyuntingan sekali diabaikan
- Semua penulis besar mengungkapkan - proses penyuntingan adalah sebuah tahapan menulis/penulis yang menjadi salah satu kunci kejayaan mereka menjadi penulis ternama



SYARAT UNTUK MENJADI PENYUNTING

- Menguasai **Ejaan**
- Menguasai Tata Bahasa - menguasai **bahasa**
 - amat ketara kepada penulis yang mendapat pendidikan di luar negara dan melakukan rujukan dalam bahasa Inggeris. Ramai di kalangan mereka apabila menulis dalam bahasa Melayu, bahasanya kaku dan tidak bermaya
 - bahasa Melayu yang berbau kelnggerisan
- Bersahabat dengan Kamus
- Memiliki **Kepekaan Bahasa**
- Memiliki **Pengetahuan Luas**
- Memiliki **Ketelitian** dan **Kesabaran**
- Memiliki **Kemampuan** Menulis
- Menguasai **Bidang** Tertentu
- Menguasai **Bahasa** Asing
- Memahami Kod Etik Penyunting Manuskip/Naskah





APA YANG PERLU DISUNTING

Tiga perkara utama yang mesti dilihat dan disunting oleh penulis

- **isi / skop**
 - jelas, tepat dan berkesan
 - fakta dan kenyataan - Kesilapan fakta boleh juga terjadi akibat tertinggal perkataan sewaktu menaip seperti Titik perpuluhan -menukar fakta
 - Sasaran pembaca - pelajar di peringkat sarjana muda atau diploma/ peringkat lebih tinggi
- **Bahasa –**
 - Satu bentuk komunikasi - amat penting sekali diberi perhatian
 - jelas, tepat, dan berkesan
 - kesilapan ejaan yang boleh membawa maksud yang berbeza
 - Perenggan- kesinambungan antara satu perenggan dengan perenggan mempelbagaikan ayat - tidak akan membosankan pembaca
 - membina ayat yang pasif dan juga ayat aktif / ayat berkesan
 - istilah yang betul - Dewan Bahasa dan Pustaka
 - singkatan, akronim dan simbol
- **gaya persempahan**
 - gaya penerbit -*Gaya Dewan*
 - halaman judul, prakata, pendahuluan, jadual kandungan, nombor dan kapsyen bagi rajah dan jadual, lampiran, bibliografi, dan indeks



Apakah yang perlu disunting secara Kendiri?

- Ejaan yang betul
 - Contoh: mengetepikan, diesel, hierarki dll
 - Aksara persamaan eg. H₂O, 50°F
- Bahasa
 - Structur ayat
 - Pemerengganan
 - Pemilihan Istilah
- Fakta yang betul?
- Bahan sokongan yang sesuai, jelas, dan hubungan dengan teks. Tidak terlalu banyak contoh, jadual dan rajah
- Bahagian halaman kandungan
- Pastikan sama dalam teks / bab
- Bahagian akhiran
- Mesti ada rujukan dan indeks



Pruf

Baca pruf Perhatikan

1. Sekiranya terdapat kesilapan yang menonjol - tulisan melompat kepada perkataan yang berikutnya. Setelah membuat pembetulan, baca seluruh baris itu sekali lagi.
 2. Perkataan yang ternyata salah ejaannya mudah dikesan
-
- Latih diri membaca perlahan supaya dapat melihat setiap huruf dalam setiap perkataan dan memerhatikan tanda baca pada setiap ayat.
 - Tandakan dgn pensil
 - Senaraikan ejaan, huruf besar dan tanda sempang



Contoh

Ayat Perlu Penilitian Semula

1. Keperluan untuk mencapai tahap perlakuan tinggi hari demi hari meletakkan tekanan ke atas syarikat, dan tekanan jatuh menurun. Ini bermakna ia dirasakan oleh semua pekerja daripada pengurus tahap eksekutif hingga pekerja di tempat kerja.
2. Namun demikian, ada juga masalah dinamik bendalir yang boleh diselesaikan dengan ketelitian yang boleh diterima, dengan menggunakan teori hidrodinamik klasik ini, terutama sekali dengan menggunakan teori potensial.
3. Apa dia analisis nisbah dan bagaimanakah kegunaanya?



4. Banyak lagi kesusahan yang timbul disegi saikologi dalam pendekatan ini, terutama dengan pengikut yang lebih masak. Pengikut misalnya, sekiranya kerja dibuat sendirian, merasa dirinya sudah cukup berkebolehan untuk mengendalikan jabatannya dan pengurus dimaksudkannya menyekat kenaikannya. Pengurus pula memikirkan dia memberi 'delegation', tetapi sebenarnya dia ditinggalkan



5. Minyak pasir tar: Minyak yang dihasilkan oleh pasir tar yang terdiri daripada longgokan yang mengandungi hidrokarbon berat sama seperti yang terdapat pada minyak biasa tetapi berkelikatan tinggi seperti tar.
6. Biojisim merupakan penjanaan kuasa Malaysia alternatif kelima selain dari hidro, gas asli, bahan minyak dan arang batu.
7. Oleh kerana bidang metallurgi ini sangat luas untuk diperdalam, ianya boleh dikelaskan kepada dua kategori yang utama



Kesalahan Umum

- salah tulis - struktur ayat
- penggunaan ayat yang kurang tepat
- pemenggalan kata,
- Pemilihan ayat / perkataan
- paragraph
- tanda baca



Kegiatan Penyuntingan

Secara garis besar kegiatan penyuntingan meliputi:

- Memperbaiki kesalahan-kesalahan yang menonjol.
- Menghindari contrast dan memperbaiki tulisan sebelumnya.
- Menyesuaikan gaya bahasa sesuai dengan sasaran.
- Meringkas beberapa ayat menjadi satu atau dua ayat yang memiliki kejelasan makna serupa
- Menghindari adanya maksud berganda dan tulisan yang membosankan.
- Melengkapi tulisan dengan paragraf atau subjudul
- Memperbaiki judul supaya menarik.
- menulis keterangan gambar atau Jadual yang terkait dengan tulisan yang disunting.
- Menelaah kembali hasil tulisan yang telah dicetak, mungkin masih terdapat kesalahan.



Penyuntingan

- Menghasilkan draf akhir dengan menyemak dan menyunting secara terperinci dari segi:
 - Kejelasan isi
 - Ketepatan dan keselarasan ejaan/istilah
 - Kesesuaian rajah/jadual/petikan
 - Keizinan hak cipta
 - Gaya penerbitan
 - Lain-lain